

05 JUN 2000

Mahathir-Kebebasan

UMNO AKAN TERUS PERTAHANKAN KEBEBASAN MALAYSIA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan terus mempertahankan kebebasan Malaysia dan tidak sekali-kali akan membenarkan negara dipermainkan atau dijadikan boneka oleh mana-mana negara asing.

Perdana Menteri berkata mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini, yang pertama selepas perhimpunan agung parti bulan lepas, membincangkan mengenai kebebasan Malaysia dan MT bersetuju bahawa Malaysia harus bebas dan tidak dikongkong oleh mana-mana pihak.

"Sikap dan kebebasan ini akan kita kekalkan," kata Presiden Umno itu pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Beliau berkata Umno sedar bahawa pihak asing tidak senang hati dengan Malaysia yang terus mencatatkan kejayaan demi kejayaan walaupun pemimpin negara lantang mengkritik negara-negara besar berkaitan isu antarabangsa.

"Orang asing begitu tidak senang hati dengan Malaysia kerana Malaysia berjaya walaupun lantang mengkritik negara-negara asing," katanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan Malaysia itu telah menyakitkan hati kalangan tertentu terutama media Barat yang ingin melihat Malaysia menerima padah kerana enggan menerima pandangan Barat.

"Ini menyakitkan hati orang-orang tertentu terutama media Barat yang ingin melihat kerajaan yang dipimpin oleh Umno menjadi lemah dan runtuh sama sekali," katanya.

Beliau berkata Malaysia tidak akan merasa malu dengan cara dan pendekatannya menangani sesuatu masalah tentang demokrasi, tentang cara kerajaan menangani masalah kewangan, industri dan agihan kekayaan antara kaum di negara ini.

"Kita tidak berasa malu dan kita akan pertahankan (cara-dan pendekatan kita) demi kebaikan negara kita tanpa mengambil kira pandangan asing," katanya.

Kebebasan Malaysia dan keupayaan Malaysia menggunakan formula sendiri dalam menangani masalah yang dihadapi berkaitan ekonomi khususnya dalam memulihkan kesan kegawatan merupakan antara perkara yang dibahaskan oleh perwakilan pada perhimpunan agung parti bulan lepas.

"Kita berpendapat bahawa kita mampu mempertahankan negara kita dan kita tidak akan tunduk kepada sesiapa," katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat MT itu juga memberi perhatian kepada masalah rasuah dan beberapa cadangan telah dibuat untuk membanteras politik wang dalam parti.

"Kita akan kaji pendekatan ini dan cuba melaksanakannya demi mengurangkan jika tidak menghapuskan sama-sekali politik wang dalam parti... kita ingin lihat Umno bersih daripada politik wang," kata beliau, sambil menambah bahawa semua anggota MT bersetuju Umno mesti bersih daripada politik wang.

Mesyuarat MT itu juga membincangkan apa yang perlu dibuat untuk menguatkan lagi parti tetapi beliau tidak menyebut langkah-langkah yang dicadangkan.

Selain itu turut dibincangkan ialah masalah negara yang dibangkitkan pada mesyuarat agung Umno yang lalu termasuk kurangnya penyertaan Bumiputera dalam bandar-bandar yang baru, kurangnya pemilikan harta oleh Bumiputera, masalah kekurangan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan, katanya.

Usaha yang perlu dibuat untuk mengatasi masalah-masalah itu merupakan perkara penting bagi Umno, kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MNY NMO